

7 mukim di Kuantan kena PKPD

Oleh [Zanariah Abd Mutualib](#) dan [Suzalina Halid](#) - Mei 22, 2021 @ 6:37pm
bhnews@bh.com.my



KUALA LUMPUR: Sebanyak tujuh mukim di Kuantan dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) berkuat kuasa 24 Mei hingga 6 Jun ini.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata mukim berkenaan adalah Beserah, Kuala Kuantan 1, Kuala Kuantan 2, Penor, Sungai Karang, Ulu Kuantan dan Ulu Lepar.

Ismail Sabri berkata, daripada 6,548 ujian saringan ke atas individu yang dijalankan Kementerian Kesihatan (KKM) sehingga kini, seramai 619 individu disahkan positif COVID-19.

"KKM mengesahkan berlaku peningkatan kes yang ketara dalam tempoh 10 hari dengan kadar kebolehjangkitan amat tinggi di ketujuh-tujuh lokaliti berkenaan.

"Selepas membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, kerajaan bersetuju melaksanakan PKPD di tujuh mukim berkenaan.

"Pelaksanaan PKPD membolehkan KKM menjalankan pengesanan awal kes dan mengenal pasti, melaksanakan pengasingan dan saringan bagi kontak rapat," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Sementara itu, Ismail Sabri berkata, PKPD turut dikenakan taman perumahan dan perkampungan sekitar Gau, Temerloh, membabitkan Taman Gau Indah, Taman Gau Makmur, Taman Gau Aman, Taman Gau Idaman dan Kampung Gau Baru, yang juga berkuatkuasa dari 24 Mei hingga 6 Jun ini.

"Sehingga semalam, KKM melaksanakan 432 ujian saringan di semua lokaliti itu dan 16 daripadanya disahkan positif," katanya.

Selain itu, beliau memaklumkan, PKPD di Taman Tanah Putih Baru, Kuantan, Pahang akan ditamatkan esok, lebih awal berbanding 25 Mei ini seperti yang dijadualkan.

Katanya, KKM mengesahkan trend kes menunjukkan penurunan di lokaliti itu dan kluster adalah terkawal, manakala semua kes positif sudah dirawat.